KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
NILAI

ITE INNOVATION TECHNOLOGY EXPO @JPPKK

PROGRAM BITARA KPT 2022

19 & 20

OKTOBER 2022

DEWAN SRI PUTRA

POLITEKNIK NILAI
NEGERI SEMBILAN

ITE
INNOVATION
TECHNOLOGY
EXPO
@JPPKK
PROGRAM BITARA KPT 2022

Isi Kandungan

Tentatif Program 1

Atur Cara Majlis Perasmian Penutupan 2

Setitis Tinta 3

Serungkai Madah 4

Secebis Bicara 5

Senarai Kluster Produk Inovasi 6

- Kluster Pengajaran dan Pembelajaran 7
- Kluster Hospitaliti dan Pelancongan 18
- Kluster Perkhidmatan dan Sains Sosial 20
- Kluster Teknologi Makanan 22
- Kluster Teknologi Maklumat 27
- Kluster Kejuruteraan Elektrik 31
- Kluster Kejuruteraan Mekanikal 34
- Kluster Kejuruteraan Awam dan Senibina 42
- Kluster Agrobioteknologi 50

Senarai Jawatankuasa Induk 52

Senarai Jawatankuasa Pelaksana 53

Tentatif Program

***INNOVATION TECHNOLOGY EXPO, JPPKK* (ITE@JPPKK'2022)**

PROGRAM BITARA KPT 2022

TARIKH: 18 - 20 OKTOBER 2022

TEMPAT: DEWAN SRI PUTRA, POLITEKNIK NILAI

Tarikh: 18 Oktober 2022 (Selasa)

02:00 petang	Pendaftaran Pempamer
-	
05:00 petang	Persiapan Reruai Pameran

Tarikh: 19 Oktober 2022 (Rabu)

08:30 pagi	Sesi Pameran
-	
05:00 petang	

Tarikh: 20 Oktober 2022 (Khamis)

08:30 pagi	Pendaftaran Tetamu
09:00 pagi	Dialog Inovasi Berimpak Tinggi ke Arah Pengkomersialan *'Mengubah Teknologi atau Teknologi Diubah'* Oleh: 1. Encik Noor Mohd Hazman bin Hamid (Panel MyIPO) 2. Encik Husaini bin Ismail (Panel Majlis Rekabentuk Malaysia) Moderator: Encik Sayed Munawar bin Sayed Mustar
11:30 pagi	Sesi Pembentangan dan Penjurian
01:00 petang	Rehat
02:00 petang	Majlis Perasmian Penutup
05:00 petang	Bersurai

Aturcara Majlis Perasmian Penutupan

***INNOVATION TECHNOLOGY EXPO*, JPPKK (ITE@JPPKK'2022)**

PROGRAM BITARA KPT 2022

TARIKH: 20 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

TEMPAT: DEWAN SRI PUTRA, POLITEKNIK NILAI

02:00 petang	Ketibaan Peserta Ketibaan Tetamu Jemputan
02:15 petang	Ketibaan Pengarah-Pengarah Bahagian, Politeknik dan Kolej Komuniti Ketibaan YBrs. Dr. Riam a/p Chau Mai
02:30 petang	Ketibaan YBrs. Dr. Mohd Zahari bin Ismail
02:45 petang	Nyanyian Lagu Negaraku Bacaan Doa Tayangan Montaj
03:00 petang	Ucapan Alu-Aluan **YBrs. Dr. Riam a/p Chau Mai** Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Ucapan Perasmian Penutup **YBrs. Dr. Mohd Zahari bin Ismail** Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Merangkap Pengerusi Zon Selangor dan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Gimik Pelancaran • Buku Inovasi Staf Politeknik dan Kolej Komuniti Cemerlang 2021 • Buku Produk Inovasi Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Majlis Penyampaian Anugerah dan Sijil Penghargaan Lawatan Ke Reruai Pameran Jamuan Bersurai

Setitis Tinta

Salam Sejahtera

Kemunculan COVID-19 pada awal tahun 2020 telah membawa perubahan besar kepada kehidupan kita dari pelbagai sudut. Ekonomi negara terjejas, pendidikan terkesan dan kita perlahan-lahan mula mengadaptasi kepada norma baharu. Tidak dapat dinafikan, impak paling ketara kesan daripada virus ini adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi yang mula berubah. Hakikatnya, landskap pengajian tinggi sekarang menuntut kaedah baharu dengan mengadaptasi elemen digital dan fleksibel. Kini, pelaksanaan PdP secara fizikal bukan lagi satu kemestian.

Dalam hubungan ini, penghasilan inovasi berkaitan pendidikan dilihat sebagai respons strategik yang tepat pada masanya. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab melahirkan modal insan dan tenaga kerja untuk negara, keadaan ini ternyata memberikan cabaran yang besar. Justeru, inisiatif Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi mengumpulkan produk inovasi ini untuk dipersembahkan dan dipertandingkan melalui *Innovation Technology Expo*, JPPKK (ITE@JPPKK'2022) adalah amat wajar.

Tuntasnya, produk inovasi yang berimpak tinggi ini wajar dijadikan panduan oleh semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia dalam usaha untuk melakukan transformasi, anjakan paradigma dan inovasi serta melakukan perubahan minda dan cara bekerja kepada kaedah baharu yang lebih kreatif. Sesungguhnya, gabungan kepakaran serta pelbagai sumbangan idea berimpak tinggi yang terhasil melalui program ini adalah diharapkan agar dapat dimanfaatkan untuk pembangunan modal insan negara.

YBRS. DR. RIAM A/P CHAU MAI
PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI,
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Serungkai Madah

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia

Penganjuran *Innovation Technology Expo*, JPPKK (ITE@JPPKK'2022) merupakan satu platform terbaik untuk Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menonjolkan bakat berinovasi dalam kalangan warga politeknik dan kolej komuniti sejajar dengan Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti iaitu membudayakan penyelidikan gunaan dan inovasi.

ITE@JPPKK'2022 ini disertai oleh para pencipta produk inovasi terbaik yang telah memenangi anugerah dalam pertandingan inovasi sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2021 dan 2022. Sesungguhnya, menjadi harapan JPPKK agar produk inovasi yang dihasilkan dapat dizahirkan pelaksanaannya secara menyeluruh oleh pihak berkenaan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama merealisasikan penganjuran program ini. Diharapkan agar program ini akan menjadi pemangkin dengan matlamat untuk melonjakkan ekosistem inovasi di politeknik dan kolej komuniti ke arena antarabangsa, seterusnya melahirkan graduan yang lebih unggul dan kompetitif.

Sekian.

YBRS. DR. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
PENGARAH POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
MERANGKAP PENGERUSI ZON SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Secebis Bicara

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua kita berjaya mengelolakan dan menganjurkan *Innovation Technology Expo*, JPPKK (ITE@JPPKK'2022) pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Sekretariat Penganjur yang telah bertungkus lumus dalam merealisasikan kelancaran penganjuran expo ini.

Bertemakan 'Inovasi Cemerlang TVET Gemilang', ITE@JPPKK'2022 merupakan platform mengumpulkan warga pencipta dan mempamerkan 36 produk inovasi yang berjaya memenangi anugerah di dalam pelbagai pertandingan inovasi. Tambahan, expo ini dianjurkan dengan matlamat utama menyampaikan anugerah dan pengiktirafan kepada warga dan institusi yang telah menunjukkan kecemerlangan inovasi dan mengharumkan nama politeknik dan kolej komuniti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Oleh itu, saya berharap agar semua warga TVET mengambil peluang ini untuk memanfaatkan perkongsian pengetahuan daripada pakar-pakar tersebut, dan meneroka potensi untuk pengkomersialan serta perlindungan harta intelek.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah inovasi yang dipertandingkan pada tahun ini. Semoga penganjuran program sebegini akan menjadi pendorong kepada perkembangan ekosistem inovasi khususnya di Politeknik Nilai dan juga institusi TVET yang lain.

Sekian, terima kasih.

HAJI WAN ZULKIFLY BIN WAN ZAKARIA
PENGARAH POLITEKNIK NILAI

SENARAI KLUSTER
Produk Inovasi

- Pengajaran dan Pembelajaran
- Hospitaliti dan Pelancongan
- Perkhidmatan dan Sains Sosial
- Teknologi Makanan
- Teknologi Maklumat
- Kejuruteraan Elektrik
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Awam dan Senibina
- Agrobioteknologi

KLUSTER
Pengajaran dan Pembelajaran

1. *360 VIDEO APPLICATION FOR BIOMEDICAL INSTRUMENTATION COURSE: BIOMEDICAL INSTRUMENT INVICTA VISION*
   POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

2. *WRITING EQUIPMENT FOR CEREBRAL PALSY KIDS*
   POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

3. *MEJA ERGONOMIK SERBAGUNA*
   POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

4. *VIDEO PDP 360: IMPLEMENTATION STACK AND QUEUE IN REAL LIFE*
   POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

5. *KOSWER VR360 PENGENALAN KEPADA SISTEM KENDERAAN HIBRID*
   POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR & KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS

6. *PROGRAMMING TRAINER KIDS (PROKIDS)*
   POLITEKNIK KOTA BHARU

7. *A SHORT VIDEO ON JOB INTERVIEW*
   POLITEKNIK KOTA BHARU

8. *POCKET CHEF BOOK (PoC BOOK)*
   KOLEJ KOMUNITI KUANTAN

9. *E-PBM PI-POLI: PEMBELAJARAN IMERSIF DALAM KURSUS PENGAJIAN ISLAM DI POLITEKNIK*
   POLITEKNIK UNGKU OMAR

10. *VOCAB-GAME: A GAME-BASED 3D VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT (3D VLE) TO ENRICH DEAF STUDENTS ENGLISH VOCABULARY*
    POLITEKNIK UNGKU OMAR

360 VIDEO APPLICATION FOR BIOMEDICAL INSTRUMENTATION COURSE: BIOMEDICAL INSTRUMENT INVICTA VISION



NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Mariana Rosdi
2. Fariza Zahari
3. Mohd Syamil Rozmi
4. Dr Mohd Najib Hamdan
5. Akmarya Syukhairilnisah Mohd Akhir

PENGENALAN PRODUK

360 Video Application for Biomedical Instrumentation Course: Biomedical Instrument Invicta Vision ini berteraskan *e-learning* dan telah berjaya membantu para pelajar Sarjana Muda Teknologi Elektronik Perubatan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dalam pembelajaran kursus *Biomedical Instrumentation* sewaktu fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Aplikasi video 360 ini membolehkan para pelajar mengeksplorasikan diri mereka dalam situasi Makmal Elektronik Perubatan secara maya dengan *scroll* keseluruhan makmal elektronik perubatan dan mengenali peralatan-peralatan serta fungsi penggunaannya.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menyediakan bahan pengajaran yang interaktif dan informatif dalam bentuk *Virtual Reality*.
2. Membangunkan aplikasi pengajaran bagi kursus *Biomedical Instrumentation* yang holistik bagi menggantikan pengalaman sebenar kendalian alatan biomedikal.
3. Menghasilkan pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang berlandaskan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi pelajar-pelajar jurusan kejuruteraan elektronik perubatan.

IMPAK PRODUK

1. Meningkatkan pemahaman pelajar terhadap fungsi, pengendalian dan penyelenggaraan peralatan biomedikal tanpa perlu berada di hospital atau makmal.
2. Mengurangkan kos pembelian alatan perubatan yang sangat mahal bagi pelajar melaksanakan latihan amali.
3. Meningkatkan peratusan pencapaian akademik dalam kursus *Biomedical Instrumentation* dari segi hasil pembelajaran.

WRITING EQUIPMENT FOR CEREBRAL PALSY KIDS

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Tengku Nur Syarah Bariah Raja Mohd Yazit
2. Rosida Ahmad
3. Muhammad Hafizuddin Abdul Razak
4. Muhammad Elzrey Nieshaen Md Adam
5. Nurul Aida Mat Sayuati

PENGENALAN PRODUK

Writing Equipment for Cerebral Palsy Kids dicipta bagi membolehkan kanak-kanak *cerebral palsy* menulis. Matlamatnya adalah untuk mencipta pengalaman positif untuk kanak-kanak *cerebral palsy*. Oleh itu, projek ini akan memberikan kestabilan, rintangan, kebolehlarasan dan pergerakan yang fleksibel. Projek ini mereka bentuk alat menulis produk untuk kanak-kanak yang mengalami *cerebral palsy*, terutamanya mereka yang mempunyai kawalan motor yang lemah.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menghasilkan alat menulis bagi kanak-kanak *cerebral palsy*.

IMPAK PRODUK

1. Membantu kanak-kanak *cerebral palsy* dalam penulisan.
2. Membantu anak-anak *cerebral palsy* menulis supaya mereka berasa lebih yakin dan dapat memberi keselesaan kepada mereka dari segi penulisan.
3. Membantu anak-anak *cerebral palsy* menulis dengan baik seperti kanak-kanak normal yang lain.

MEJA ERGONOMIK SERBAGUNA

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Shahrizan Mohd Razali
2. Thaqif Irfan Shahrizan
3. Thaqif Haziq Shahrizan
4. Syaidatul Najwa Zahidi

PENGENALAN PRODUK

Meja Ergonomik Serbaguna dihasilkan bagi menjaga kesihatan, motivasi dan fokus dalam aktiviti membaca. Meja ini mempunyai struktur utamanya seperti penaik/penurun yang boleh menaikkan dan menurunkan meja, serta boleh diubah sudut kecondongannya, plat yang boleh menahan buku dari terselak akibat ditiup angin, tapak yang kukuh untuk berdiri dan boleh dibawa ke mana-mana termasuk ke sekolah. Kesimpulannya meja ini adalah satu produk yang ringkas, diperbuat dari bahan-bahan kitar semula, boleh dikomersilkan dan boleh dikembangkan pada masa yang akan datang.

OBJEKTIF PRODUK

1. Membangunkan meja yang boleh ditinggikan atau direndahkan mengikut keselesaan pengguna.
2. Mencipta meja yang boleh diubah sudut kedudukan bacaan supaya kedudukan mata tepat.
3. Mencipta meja yang boleh diubah dan boleh dibawa ke mana-mana.

IMPAK PRODUK

1. Menjaga kesihatan tulang belakang dengan kedudukan meja dan poster badan yang betul.
2. Meningkatkan tahap fokus belajar lebih lama kerana kedudukan mata boleh diselaraskan sesuai dengan keselesaan penglihatan pengguna.
3. Meningkatkan motivasi pelajar semasa belajar.
4. Menjaga alam sekitar dengan menggunakan bahan-bahan kitar semula seperti kayu-kayu palet yang terbuang.

VIDEO PDP 360: IMPLEMENTATION STACK AND QUEUE IN REAL LIFE



NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Suhaila Sarif
2. Norsulliatie Muhammad
3. Zirwatul Hanan Salleh

PENGENALAN PRODUK

Video PdP 360: Implementation Stack and Queue in Real Life yang dibangunkan ini merupakan satu usaha ke arah merealisasikan pelaksanaan dasar inovasi berasaskan m*ultimedia learning* dan juga merupakan satu komitmen yang disumbangkan bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan. Projek inovasi yang dihasilkan ini bukan saja dapat dicapai oleh pelajar di Politeknik METrO Tasek Gelugor, namun boleh juga dicapai oleh semua pelajar politeknik yang mengambil kursus *DFC3033 Data Structures*.

OBJEKTIF PRODUK

1. Memberikan lebih pemahaman kepada pelajar dengan menunjukkan persekitaran sebenar yang mengaplikasikan kaedah tersebut.
2. Menimbulkan minat kepada pelajar untuk memahami dan mendalami topik yang diajar dan diaplikasikan ke dunia sebenar.

IMPAK PRODUK

1. Meningkatkan kualiti serta keupayaan pelajar dalam meneroka bidang baru bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan terlatih bagi menghadapi perubahan semasa yang lebih mencabar.
2. Memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran dan pengajaran. Peningkatan peratusan pelajar yang lulus cemerlang bagi *pre-test* dan *post-test* yang dijalankan.
3. Meningkatkan minat belajar dan pemahaman topik yang diajar di kalangan pelajar.

KOSWER VR360 PENGENALAN KEPADA SISTEM KENDERAAN HIBRID

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Mohd Firdaus Abdullah
2. Syahirah Ibrahim
3. Ts. Ku Muhammad Asnawi Ku Yahaya

PENGENALAN PRODUK

Koswer VR360 Pengenalan Kepada Sistem Kenderaan Hibrid merupakan satu inovasi yang dibangunkan sebagai salah satu perisian pendidikan untuk pembelajaran dan pengajaran (PdP). Koswer VR360 ini dapat menarik minat pelajar dalam mempelajari sistem kenderaan dengan kaedah yang lebih mudah dan cepat untuk difahami di samping memberi pengalaman yang mendalam dan interaktif berdasarkan imej grafik dalam dimensi (3D) dijana oleh komputer.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menarik perhatian dan minat pelajar dalam mempelajari pengenalan kepada sistem kenderaan hibrid dengan menggunakan koswer VR360.
2. Membantu pelajar lebih memahami sistem kenderaan dengan kaedah yang lebih mudah dan secara visual.
3. Meningkatkan keberkesanan PdP dengan menggunakan kaedah yang lebih kreatif dan inovatif selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

IMPAK PRODUK

1. Meningkatkan minat pelajar mendalami pengenalan kepada automotif dengan bantuan penggunaan koswer VR360.
2. Meningkatkan keupayaan pelajar dalam menerokai bidang baharu.
3. Projek inovasi yang dihasilkan bukan sahaja boleh dicapai oleh pelajar Kolej Komuniti Kepala Batas, namun turut boleh dicapai oleh pengguna di seluruh negara.

PROGRAMMING TRAINER KIDS (PROKIDS)

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Chung Boon Chuan
2. Nik Rahaya Nik Ishak
3. Nur Filzah Mohd Fauzey

PENGENALAN PRODUK

Programming Trainer Kids (ProKiDS) dihasilkan dengan menggunakan kaedah *Design Thinking Model*, yang melibatkan 5 proses iaitu *Empathize, Define, Ideate, Prototype and Test*. Inovasi *ProKiDs* melibatkan dua ciptaan yang baharu iaitu modul amali dan modul pembelajaran yang berinovasi secara pakej. *Trainer* yang kreatif melibatkan *meet and match puzzle* modul untuk menghasilkan pelbagai alat kawalan yang dikawal oleh aturcara. Pelajar hanya perlu mengambil dan memasang modul-modul yang berkaitan, dan membuat aturcara berpandukan nota modul yang disediakan dan dapat menjana keluaran yang dikehendaki. Bahan yang digunakan adalah tahan lasak dan mudah digunakan, terdiri dari pakej modul kawalan, masukan, keluaran, alat aturcara, nota modul dan kotak *trainer*.

OBJEKTIF PRODUK

1. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan serta memberikan impak positif kepada pelanggan (pelajar).
2. Memenuhi keperluan perkhidmatan dan jangkaan pelanggan.
3. Mengurangkan kesilapan melalui kaedah dan bahan yang dihasilkan.
4. Penjimatan kos melalui penggunaan sumber sedia ada secara optimum.
5. Menjimatkan masa kerja praktikal dengan menghasilkan inovasi yang mesra pengguna.

IMPAK PRODUK

1. Meningkatkan kecekapan pelajar dalam membuat penyambungan litar menulis program tanpa bantuan sepenuhnya daripada pensyarah dan mengurangkan kesilapan semasa menyambung litar.
2. *Practical Work* dapat dilaksanakan di dalam tempoh masa yang ditetapkan dan membolehkan pengurangan kos pembelian bahan luak.
3. Penyampaian pensyarah lebih berkesan dan pelaksanaan *Practical Work* dengan lebih mudah dan teratur.

A SHORT VIDEO ON PREPARATION FOR JOB INTERVIEW

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Noor Asmaa' Hussein
2. Kamilah Zainuddin
3. Nik Nur Fathiha Nik Din

PENGENALAN PRODUK

A Short Video On Preparation For Job Interview dicetuskan dengan tujuan utama untuk membantu para pelajar terutamanya yang bakal menamatkan pengajian bersedia menghadapi temuduga kerja. Sebelum ini, di dalam kelas, pelajar didedahkan dengan input atau bahan pengajaran dalam modul atau internet yang kurang membantu dalam menjawab soalan semasa temuduga kerja. Ini kerana kebanyakan isi kandungan video dalam internet adalah dalam Bahasa Inggeris dan dihasilkan bukan dalam budaya di Malaysia. Dengan adanya bantuan video ini, pelajar lebih yakin dan bersedia untuk menghadapi temuduga kerja.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menjadi rujukan pensyarah sebagai bahan bantu mengajar bagi topik *Job Interview* di dalam kelas.
2. Memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan tips menjawab soalan temuduga kerja yang senang difahami dan dipraktikkan.
3. Menghasilkan video berdasarkan konteks Malaysia dan bersesuaian dengan tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka.

IMPAK PRODUK

1. Pelajar dapat memahami tips yang perlu dibuat dan persediaan yang mereka perlu lakukan sebelum menghadiri temuduga.
2. Pelajar dapat menjawab soalan temuduga dengan lebih yakin dan bersedia.
3. Pelajar dapat memahami isi kandungan video dengan lebih baik kerana mereka dapat memainkan video ini secara berulang kali.

POC BOOK (POCKET CHEF BOOK)

NAMA AHLI KUMPULAN:
1. Noordiyana Abdul Rahim
2. Azmira Musa
3. Siti Mariam Mohd Amin@Abdul Aziz

PENGENALAN PRODUK

Pocket Chef Book (PoCBook) merupakan buku interaktif bagi kursus *SKU 10033 Malaysian Cuisine* untuk pelajar Kulinari Semester 1. *PoCBook* mengandungi kalendar tahunan, perancangan semester semasa, jadual kebersihan kelas, nota dan tip yang berkaitan serta resipi. Buku ini bersaiz kecil, mudah untuk dibawa dan boleh disimpan di dalam poket. *PoCBook* memudahkan pelajar membuat persiapan awal perancangan kelas dan mengulang kaji juga menjadi mudah.

OBJEKTIF PRODUK

1. Mewujudkan bahan rujukan 'semua dalam satu' iaitu nota, resipi, dan tip yang khusus untuk kegunaan pelajar *SKU10033 Malaysian Cuisine.*
2. Memudahkan pelajar memahami topik yang akan dipelajari.
3. Mempelbagaikan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) supaya lebih interaktif.
4. Membudayakan amalan hijau dengan mengurangkan penggunaan kertas.

IMPAK PRODUK

1. Memudahkan penggunaan kerana bersaiz kecil dan senang untuk dibawa.
2. Menggalakkan pelajar menggunakan teknologi Revoluasi Industri (IR 4.0) dalam PdP.
3. Mewujudkan suasana PdP yang efektif dan interaktif.
4. Membudayakan amalan hijau dengan mengurangkan pembaziran kertas.
5. Memudahkan pensyarah untuk merancang PdP seperti dapat menyediakan pesanan bahan mentah dengan awal dan mudah kerana ia telah diseragamkan.
6. Melahirkan generasi TVET dengan kemahiran abad ke-21.
7. Melaksanakan kursus sepanjang hayat bersama komuniti dapat dijalankan dengan lebih efektif dan efisien apabila digunakan secara meluas.

Pembelajaran dan Pengajaran

POLITEKNIK UNGKU OMAR

E-PBM PI-POLI: PEMBELAJARAN IMERSIF DALAM KURSUS PENGAJIAN ISLAM DI POLITEKNIK

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Dr. Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff
2. Wan Norina Wan Hamat
3. Nur Afifah Saharudin

PENGENALAN PRODUK

e-PBM PI-Poli: Pembelajaran Imersif dalam Kursus Pengajian Islam di Politeknik merupakan satu idea penghasilan modul pembelajaran berasaskan masalah secara dalam talian bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik. Modul *e-PBM PI-Poli* ini bukan sahaja dilihat dapat melengkapi kekurangan yang ada, malah turut memenuhi saranan dan hasrat pihak kementerian dalam merealisasikan konsep pembelajaran abad ke-21.

OBJEKTIF PRODUK

1. Merekabentuk modul pembelajaran berasaskan masalah secara dalam talian bagi kursus Pengajian Islam (e-PBM PI-Poli).
2. Meningkatkan kefahaman pelajar menerusi pembelajaran aktif secara autentik dengan cara bersemuka dan dalam talian.
3. Melaksanakan pendekatan pedagogi abad ke-21 (kolaboratif, kreatif, komunikasi, pemikiran kritis, nilai murni dan kerja berpasukan).

IMPAK PRODUK

1. Menyokong hasrat institusi ke arah Pendidikan 4.0 (*Pedagogy, Andragogy, Heutagogy, Cybergogy*).
2. Pembelajaran yang menyokong kehendak industri.
3. Pembelajaran melalui pengalaman sebenar boleh memandu pelajar dalam kehidupan seharian berteraskan nilai Islam.
4. Bahan bantu mengajar yang imersif secara bersemuka dan dalam talian untuk kursus Pengajian Islam di Politeknik.

VOCAB-GAME: GAME-BASED 3D VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT TO ENRICH DEAF STUDENTS' ENGLISH VOCABULARY

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Nurul Huda Ahmad Thalhah
2. Siti Noraini Hassin@Mohd Noor

PENGENALAN PRODUK

Vocab-Game' is a game-based 3D virtual learning environment (3D VLE) which is designed and developed by using CoSpaces EDU application as a tool for Ungku Omar Polytechnic deaf students to learn and improve their English Vocabulary. It also seeks to better engage them in fun virtual classroom activities.

OBJEKTIF PRODUK

1. *To help deaf students learn and improve their basic English vocabulary used in everyday life situations.*
2. *To promote interactive multimedia content that appeals to their interests and is matched to their abilities.*
3. *To boost student engagement and motivation in virtual classroom activities amidst COVID-19 pandemic.*

IMPAK PRODUK

1. *Enhances the quality of online teaching and learning amidst COVID-19 pandemic.*
2. *Boosts students' motivation to learn English language.*
3. *Makes learners become the center of learning, which allows the learning process to be more creative, interesting and effective.*

KLUSTER
Hospitaliti dan Pelancongan

1. ***SATRA MULTI-VEST INNOVATIVE TOURISM PRODUCT FOR TRAVEL AGENCY***
   POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

Hospitaliti dan Pelancongan

POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

SATRA MULTI-VEST INNOVATIVE TOURISM PRODUCT FOR TRAVEL AGENCY

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Mohamad Kazar Razali
2. Siti Fatimah Azzrah Zulkifli
3. Khairul Nisa Abdul Aziz
4. Azhar Hussien

PENGENALAN PRODUK

Satra Multi-Vest Innovative Tourism Product for Travel Agency merupakan produk pelancongan inovatif bagi syarikat agensi pengembaraan pelancongan. Satra diambil dari bahasa arab yang bermaksud jaket. Satra merupakan jaket pelbagai yang dikhususkan penggunaan kepada mutawwif yang dalam menguruskan jemaah ibadah umrah dan haji. Satra menyokong kepada perkembangan teknologi Revolusi Industri (IR4.0) terutamanya dalam pendigitalan seperti penggunaan kod QR dan penjejak (GPS) bagi menambah baik dalam pengurusan ibadah umrah dan haji.

OBJEKTIF PRODUK

1. Mengenalpasti inovasi terbaharu produk agensi pengembaraan.
2. Mereka bentuk produk pelancongan innovatif kepada agensi pengembaraan.
3. Menghasilkan prototaip produk pelancongan bagi agensi pengembaraan.

IMPAK PRODUK

1. *Satra Multi-Vest* boleh digunakan oleh mutawwif dalam membantu jemaah menunaikan umrah dan haji di Malaysia dan antarabangsa.
2. Penghasilan *Satra Multi-Vest* telah memberi jaringan perkongsian pengetahuan antara antara Politeknik Sultan Idris Shah dengan agensi pelancongan.
3. *Satra Multi-Vest* boleh dikomersialkan kepada pemandu pelancong selain mutawwif dalam aktiviti lawatan di tempat pelancongan.

KLUSTER
Perkhidmatan dan Sains Sosial

1. ***E.COLI REMOVAL VIA LOW FREQUENCY ELECTROMAGNETIC FIELD IN RIVERBANK FILTRATION***
   POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH

E.COLI REMOVAL VIA LOW FREQUENCY ELECTROMAGNETIC FIELD IN RIVERBANK FILTRATION



NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Dr. Rossitah Selamat
2. Dr. Rhahimi Jamil
3. Ts. Azhani Ariffin
4. Ts. Zarina Syuhaida Shaarani
5. Ts. Husaini Aza Mohd Adam

PENGENALAN PRODUK

E.Coli Removal Via Low Frequency Electromagnetic Field In Riverbank Filtration merupakan produk inovasi yang menggunakan paip gelombang elektromagnet berfrekuensi rendah telah direka bentuk untuk membasmi kuman dan bakteria E.coli di dalam air, supaya air yang terawat selamat untuk diminum. Paip gelombang elektromagnet ini merupakan inovasi dalam rawatan air telah berjaya menghasilkan satu kaedah terkini yang tidak menggunakan bahan kimia dalam proses pembasmian kuman dan bakteria terutamanya E.coli.

OBJEKTIF PRODUK

1. Mereka bentuk paip penyingkir *E.coli* menggunakan gelombang elektromagnet berfrekuensi rendah.
2. Mengukur tahap penyingikiran *E.coli* menggunakan paip bergelombang elektromagnet.
3. Mengkaji tahap keberkesanan paip bergelombang elektromagnet.

IMPAK PRODUK

1. Menyumbang kepada sektor air dan pembangunan sisa dengan menerima pakai Teknologi Hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa pepejal dan kawasan pelupusan sampah.
2. Kolaborasi erat yang dijalinkan bersama pihak Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dan menjadi titik permulaan kepada kolaborasi penyelidikan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

KLUSTER
Teknologi Makanan

1. ***CENDOL KIT***
   POLITEKNIK TUN SYED NASIR

2. ***JACKFRUIT ICE CREAM ENRICHED WITH MANDAI AND SEEDS***
   POLITEKNIK TUN SYED NASIR

3. ***SPLITOKARA BURGER PATTY***
   POLITEKNIK NILAI

4. ***PENGHASILAN SEKAYA BERASASKAN KELAPA SAWIT YANG DIPERTINGKATKAN MUTUNYA DENGAN KANDUNGAN DOCOSAHEXAENOIC ACID (DHA), ANTIOXIDANT DAN VITAMIN***
   KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

Teknologi Makanan

POLITEKNIK TUN SYED NASIR

CENDOL KIT

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Nur Faeqah Noordin
2. Farha Arina Ahmad
3. Dina Izzaty Moohyiddin

PENGENALAN PRODUK

Cendol Kit dibangunkan dengan melibatkan tiga formulasi berbeza untuk menghasilkan jeli cendol terbaik yang diperbuat daripada keledek ungu *(Purple Sweet Potatoe: PSP)*. Ketiga-tiga formulasi ini termasuk campuran PSP kepada nisbah tepung beras sebanyak 50:50, 60:40, dan 70:30. *Cendol Kit* ini didatangkan dalam keadaan pasteur termasuk jeli cendol keledek ungu, kacang merah, santan yang dicampur bersama cecair gula melaka. Beg-beg tersebut kemudiannya disusun dalam bekas dan dianggap sebagai pek makanan mudah sejuk untuk memanjangkan jangka hayat dan memudahkan penggunaan.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menghasilkan pemanis mulut kit cendol dalam pek yang memudahkan.
2. Menghasilkan cendol daripada keledek ungu.
3. Mencari formulasi terbaik untuk penghasilan cendol.

IMPAK PRODUK

1. Pembungkusan pek makanan memudahkan pengguna yang sibuk.
2. Penyediaan pemanis mulut yang bernutrisi seperti keledek ungu.
3. Cendol dalam pek mudah ini disediakan dengan harga yang berpatutan.

Teknologi Makanan

POLITEKNIK TUN SYED NASIR

JACKFRUIT ICE CREAM WITH MANDAI AND SEEDS

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Addina Sufia Zulkeflee
2. Nurfatihah Aina Mohd Razali
3. Muhammad Solehhuddin Amran
4. Nabilla Huda Baharuddin

PENGENALAN PRODUK

Jackfruit Ice Cream Enriched with Mandai and Seeds merupakan aiskrim cempedak diperkayakan dengan mandai dan biji cempedak. Aiskrim ini dihasilkan dengan mengambil kira potensi bahan hasil sampingan cempedak seperti kulit dan biji yang telah melalui proses teknologi fermentasi selama empat hari bagi penghasilan mandai. Manakala, biji cempedak pula melalui proses teknologi pengeringan yang terkawal dan seterusnya diproses menjadi serbuk. Hasil daripada proses fermentasi telah menyumbang kepada kepelbagaian rasa, tekstur dan aroma yang unik kepada produk aiskrim ini, malahan terbukti sebagai sumber probiotik.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menyelesaikan pemasalahan pembuangan sisa pepejal buah cempedak yang dihadapi oleh industri makanan yang terlibat.
2. Menghasilkan produk aiskrim tenusu berperisa baharu berinovatif berasaskan buah tempatan bernutrisi tinggi dan diperkayakan dengan sumber probiotik seiring dengan permintaan gaya pasaran global pada masa ini.

IMPAK PRODUK

1. Mendokong kelestarian jaminan makanan iaitu hasil daripada pengoptimuman penggunaan buah itu sendiri.
2. Menangani pemasalahan pembuangan sisa pepejal buah cempedak di industri makanan, dari segi kos pengurusannya yang secara tidak langsung juga memberi impak yang besar kepada keseimbangan ekosistem dan biodiversiti.
3. Mempromosi dan mengetengahkan produk yang berasaskan buah tempatan ke persada antarabangsa.

SPLITOKARA BURGER PATTY



(a) IBP 1 (b) IBP 2 (c) IBP 3

dimana;
IBP 1 = 65 tepung hampas kacang soya : 25 cendawan kukur
IBP 2 = 45 tepung hampas kacang soya : 45 cendawan kukur
IBP 3 = 25 tepung hampas kacang soya : 65 cendawan kukur

Rajah 1: Patti Burger dengan Formulasi Berbeza

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Fauziah Shaheen Sheh Rahman
2. Muhammad Iezzat Haikal Maizal
3. Syazana Shaidin
4. Lim Ke Xin

PENGENALAN PRODUK

Splitokara Burger Patty merupakan patty dibuat daripada campuran okara dan cendawan kukur, ditambah dengan perasa secukup rasa dan boleh dihidangkan bersama pemadat kegemaran pengguna dengan sayur-sayuran. Patty tanpa daging ini adalah resipi sayuran tersembunyi terbaik untuk kanak-kanak yang tidak menggemari sayuran. Selain itu, patty ini boleh menjadi pilihan alternatif untuk *vegetarian*.

OBJEKTIF PRODUK

1. Mengetahui potensi penggunaan hampas kacang soya dan cendawan kukur *(Schizophyllum commune)* sebagai pengganti kepada patty daging ayam atau daging lembu yang mengandungi kandungan lemak dan kolesterol yang tinggi.

IMPAK PRODUK

1. Penambahan cendawan kukur mengurangkan kandungan lemak.
2. Jumlah okara yang lebih tinggi menunjukkan kandungan protein dan serat yang lebih tinggi.
3. Patty daging lembu tiruan mempunyai kualiti yang berpotensi dan boleh menjadi alternatif dalam mengurangkan pengeluaran patty berasaskan daging, serta memberikan pilihan yang sihat kepada *vegetarian*.

Teknologi Makanan

KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

PENGHASILAN SEKAYA BERASASKAN KELAPA SAWIT YANG DIPERTINGKATKAN MUTUNYA DENGAN KANDUNGAN DOCOSAHEXAENOIC ACID (DHA), ANTIOKSIDAN DAN VITAMIN

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Mohamad Hapiz Abdul Rahman
2. Khairul Ashikhin Abdullah Suhami
3. Fakhriyah Husna Abdul Wafi
4. Ahmad Humaizi Hussin
5. Mohd Mohadir Harun

PENGENALAN PRODUK

Penghasilan Serikaya Kelapa Sawit yang Dipertingkat Mutunya dengan Kandungan Docosahexaenoic Acid (DHA), Antioksidan dan Vitamin menggunakan bahan utama seperti pati sawit, gula pasir, gula perang, kuning telur, garam buluh, santan, perasa pandan, air dan pengemulsi. Hasilan produk juga telah diuji dengan beberapa ujian iaitu ujian stabiliti, ujian mikrobial, ujian kehadiran logam berat, ujian nutrisi, dan ujian sensori.

OBJEKTIF PRODUK

1. Membangunkan produk sapuan serikaya berasaskan sawit yang mempunyai nilai tambah dari segi kandungan nutrisi yang baik untuk kesihatan.
2. Menguji kandungan nutrisi *DHA*, antioksidan dan vitamin serikaya berasaskan sawit yang telah diperingkatkan mutunya dengan penambahan bahan berkhasiat.
3. Menggiatkan usaha pembangunan produk berasaskan sawit bagi merancakkan industri sawit di Malaysia.

IMPAK PRODUK

1. Menyediakan satu alternatif makanan sihat diperkayakan dengan Vitamin E berkhasiat sebagai anti-penuaan dan *DHA* yang baik untuk perkembangan otak kanak kanak.
2. Merancakkan usaha secara berterusan untuk membangunkan industri minyak sawit di Malaysia.
3. Produk ini didaftarkan dengan perlindungan Cap Dagangan dengan nama "NUTRISA" (TM2019032171).

KLUSTER
Teknologi Maklumat

1. ***EYES OF RESCUE SMART CAM (EoRSC)***
   POLITEKNIK UNGKU OMAR

2. ***WRISTGENCY 00 AS PECULIAR FRAMEWORK FOR AGILE DEVELOPMENT IN HEALTH MONITORING***
   POLITEKNIK MERSING

3. ***EXCELLENT STUDENT PROJECT (exSPRO)***
   KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG

EYES OF RESCUE SMART CAM (EORSC)

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Muhammad Redzuan Che Noordin

PENGENALAN PRODUK

Eye of Rescue Smart Cam (EoRSC) merupakan projek inovasi baharu dalam tugas-tugas mencari, menangkap dan menyelamat (3M) hasil daripada kerjasama antara pihak Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh serta pensyarah Politeknik Ungku Omar, Perak.

OBJEKTIF PRODUK

1. Menyediakan satu alat inovasi 3M untuk operasi mencari, menangkap dan menyelamat haiwan yang terperangkap di lokasi yang sukar, serta melibatkan kos pengoperasian yang tinggi dan masa yang lama diperlukan bagi menyelesaikan kes tersebut.

IMPAK PRODUK

1. Penjimatan kos perolehan dan operasi dapat dioptimumkan kepada 60%, operasi dapat dilaksanakan pada masa yang minimum serta memberikan impak penjimatan masa operasi sebanyak 80%, dan penjimatan 70% penggunaan sumber manusia dalam melakukan operasi tersebut.
2. Penggunaan peralatan yang mudah untuk dikendali, kos pembuatan murah, memenuhi ciri-ciri Revolusi Industri (IR4.0) dan dapat meningkatkan produktiviti kerja.
3. Reka bentuk produk yang fleksibel dan tahan lasak bagi memudahkan operasi anggota.

WRISTGENCY 00 AS PECULIAR FRAMEWORK FOR AGILE DEVELOPMENT IN HEALTH MONITORING



NAMA AHLI KUMPULAN:

1. Dr. Norhafizah Ismail
2. Muhammad Ridhuan Sazali
3. Devaneyan Muniandy
4. Muhammad Badrul Amin Masrol

PENGENALAN PRODUK

